

16 APR 1996
Mahathir-Islam
BARAT SALAHFAHAM TERHADAP ISLAM

Oleh: Wan A. Hulaimi

OXFORD, 16 April (Bernama) -- Penduduk Islam yang majoriti di Malaysia telah membuktikan bahawa mereka dapat hidup dan bekerja dengan bukan Islam untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu dan progresif tetapi Barat dan media mereka enggan mengiktiraf ini sebagai satu contoh ajaran terbaik Islam.

Ini kerana ia tidak menepati gambaran Islam yang mereka berikan sebagai "agama fundamentalis", kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Dalam ucapannya bertema 'Islam - The Misunderstood Religion' di hadapan cerdik-pandai, diplomat dan pelajar di Rhodes South di sini, Perdana Menteri berkata bagi masyarakat Barat yang bersikap prejudis, keupayaan orang Islam di Malaysia hidup dalam harmoni dengan pengikut agama lain adalah tidak selari dengan ajaran Islam, tetapi satu penyimpangan daripada agama itu.

Beliau berkata mereka (orang Barat) sentiasa bertanya mengenai fundamentalisme di Malaysia dan apabila diberitahu tiada wujud sebarang bentuk fundamentalis Islam seperti yang mereka katakan, mereka menolak dakwaan itu.

Dr Mahathir berkata "Islam sebenarnya agama yang telah disalahfahamkan. Salahfaham dan prejudis terhadapnya sehinggakan orang Islam dan bukan Islam sering menganggap ia sebagai satu penghalang, sebagai satu halangan kepada hubungan baik antara orang Islam dan bukan Islam dan malah sesama orang Islam. Kedua-duanya menganggap agama ini yang membawa kemajuan kepada orang Arab yang dapat membina satu empayar sebagai bertanggungjawab kepada semua yang buruk yang berlaku antara orang Islam dan bukan Islam".

Dr Mahathir berkata sesetengah daripada salah pengertian terhadap Islam adalah remeh-temeh yang tidakpun menjejaskan orang Islam atau membantut kemajuan mereka.

Tetapi yang lebih serius adalah "fatwa" berhubung hubungan sesama masyarakat Islam dan antara orang Islam dan bukan Islam.

Dr Mahathir berkata pergeseran antara mazhab-mazhab Islam dan negara-negara Islam adalah bercanggah dengan ajaran Islam, sama seperti yang berlaku di zaman jahiliah sebelum kedatangan Islam.

Katanya: "Yang lebih ketara kini terdapat salahfaham di kalangan orang Islam mengenai ajaran Islam berhubung hubungan dengan bukan Islam. Quran dengan jelas menyebut bahawa orang Kristian adalah rakan orang Islam."

"Malah apabila beberapa orang yang baru memeluk Islam dianiaya oleh puak Quraish yang menyembah berhala, mereka telah dinasihati oleh Nabi Muhammad supaya mendapat perlindungan dengan orang Kristian Abyssinia. Raja Abyssinia yang beragama Kristian itu memberikan perlindungan kepada orang Islam hinggakan percubaan Quraish untuk mengambil mereka gagal".

Berhubung Yahudi, beliau berkata Zionis dan penyokong mereka yang mengamalkan kekerasan terhadap orang Islam perlu dianggap sebagai musuh "tetapi apabila mereka mendakwa untuk mewujudkan keamanan mereka akan mendapat tindak balas positif daripada orang Islam."

Sungguhpun Dr Mahathir kesal dengan tingkah laku orang Islam hingga membawa kepada agama mereka disalahfaham dan dikaitkan dengan sikap fanatik, beliau melihat gejala itu sebagai salahfaham orang bukan Islam terhadap Islam khususnya orang Yahudi dan Kristian.

"Salahfaham orang Barat terhadap Islam kini di kemuncaknya. Jangan lupa agama Kristian juga telah mengalami penyimpangan yang teruk seperti yang dibuktikan daripada sejarah Sepanyol dan peristiwa membakar ahli sihir di

Eropah dan Amerika. Barat telah melakukan penyimpangan terhadap ajaran Islam oleh minoriti Islam sebagai manifestasi sebenar Islam."

Beliau memberikan contoh peristiwa letupan bom di Oklahoma, Amerika Syarikat dan keganasan di Ireland Utara.

"Reaksi segera kepada letupan bom di sebuah bangunan kerajaan di Oklahoma ialah ia merupakan satu lagi keganasan orang Islam. Tetapi apabila didapati ia bukan perbuatan orang Islam, hakikat bahawa yang meletupnya adalah orang Kristian ia terus dilupakan. Tidak pula dianggap sebagai keganasan Kristian."

Begitu juga perbalahan di Ireland Utara yang membabitkan dua puak Kristian, letupan bom dan pembunuhan oleh IRA dan musuhnya, puak Protestan tidak pula disifatkan sebagai keganasan Kristian atau keganasan Katolik atau Protestan.

Perdana Menteri menarik perhatian audien Baratnya kepada kejadian-kejadian yang berlaku di depan mata mereka. Dr Mahathir berkata Eropah enggan mentakrifkan perbuatan perbersihan etnik orang Islam Slav di Bosnia Herzegovina oleh puak Kristian Serb sebagai satu penghapusan bangsa.

"Andai kata orang Islam Slav Bosnia mempunyai senjata dan jumlahnya ramai, dan disokong oleh negara-negara Islam dan melakukan pembunuhan beramai-ramai, dunia pasti akan mencanangkan sebagai keganasan orang Islam dan NATO dalam sekelip mata pasti akan masuk dan menamatkan kemerdekaan Bosnia-Herzegovina".

Dr Mahathir berkata terdapat dua cara yang boleh dilakukan untuk menghapuskan salahfaham terhadap Islam.

Katanya, orang Islam perlu berpegang kepada ajaran al-Quran dan 'hadis' yang sahih dengan mengkaji dan mentafsirnya dalam konteks dunia hari ini manakala bukan Islam pula perlu memahami masalah yang dihadapi oleh orang Islam dalam usaha mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan moden.

Sebelum itu, Perdana Menteri meninjau pameran Islam di Pusat Pengajian Islam di sini.-- BERNAMA.

WAH OBA.